AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)

SOALAN LAZIM (FAQ)

INISIATIF BELANJAWAN 2027:
PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN KEPADA PEMANDU TEKSI DAN KERETA SEWA

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
1.	**Siapakah yang layak menerima Bantuan Khas Kewangan Kepada Pemandu Teksi dan Kereta Sewa?**	Bantuan ini layak diterima oleh semua pemandu teksi, iaitu **teksi, teksi lapangan terbang, teksi mewah dan kereta sewa** yang memenuhi ketiga-tiga kriteria berikut: (i) Mempunyai Kad Pemandu yang aktif; (ii) Mempunyai Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) yang aktif; dan (iii) Mempunyai Lesen / Permit Kenderaan teksi atau kereta sewa yang aktif.
2.	**Adakah semua pemandu teksi dan kereta sewa akan menerima bantuan ini?**	Semua pemandu teksi dan kereta sewa yang mempunyai Kad Pemandu yang aktif termasuk pemandu kedua adalah layak untuk menerima bantuan ini. **Sila pastikan kad pemandu anda masih dalam tempoh sahlaku.**
3.	**Bagaimana sekiranya pemandu teksi dan kereta sewa tidak mempunyai Kad Pemandu yang aktif?**	Pemandu yang tidak mempunyai Kad Pemandu yang aktif perlu melaksanakan permohonan baharu atau pembaharuan kad pemandu **selewat-lewatnya pada 25 Oktober 2026.**
4.	**Adakah pemandu perlu hadir ke kaunter APAD untuk membuat permohonan baharu atau pembaharuan Kad Pemandu?**	Pemandu tidak perlu hadir ke kaunter APAD untuk membuat permohonan baharu atau pembaharuan Kad Pemandu. Permohonan tersebut boleh dilakukan melalui sistem iSPKP di laman sesawang https://iportal.ispkp.gov.my/ .
5.	**Sekiranya satu Permit Kenderaan (VP) dikongsi oleh dua (2) pemandu berdaftar, adakah kedua-duanya layak menerima bantuan?**	Kedua-dua pemandu yang berdaftar di bawah Lesen / Permit Kenderaan (VP) yang sama layak untuk menerima bantuan ini, tertakluk kepada pematuhan kriteria kelayakan yang telah ditetapkan **(Rujuk Soalan 1)**.

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
6.	**Bagaimana jika pemandu berdaftar di bawah dua (2) Permit Kenderaan (VP) yang berbeza? Adakah pemandu akan menerima dua kali bayaran?**	Tidak, setiap pemandu hanya layak menerima bantuan ini satu (1) kali sahaja, walaupun pemandu yang sama mempunyai lebih daripada satu (1) VP.
7.	**Sekiranya saya memiliki lebih daripada satu (1) buah teksi, adakah saya layak menerima bantuan berdasarkan bilangan teksi?**	Tidak, bantuan ini adalah secara *one-off* kepada setiap pemandu sahaja dan bukan mengikut jumlah permit mahupun kenderaan yang dimiliki.
8.	**Apakah kaedah atau kriteria pemilihan penerima awal yang dijemput untuk menerima bayaran di lokasi-lokasi terpilih?**	Pemandu yang **terpilih sebagai penerima awal dipilih secara rawak mengikut kawasan dan akan dihubungi** oleh pihak **APAD melalui *Whatsapp*** atau **telefon** untuk menghadiri majlis pemberian bantuan khas kewangan di lokasi-lokasi terpilih.
9.	**Sekiranya saya tidak menerima jemputan sebagai penerima awal, adakah saya tidak layak menerima bantuan khas kewangan tersebut?**	Jangan risau, anda tetap layak dan akan menerima bantuan khas kewangan tersebut. Kaedah bayaran kepada pemandu akan dimaklumkan dalam masa terdekat.
10.	**Bila dan apakah kaedah penyaluran bayaran bantuan tersebut kepada penerima yang layak?**	Penyaluran bayaran bantuan khas kewangan tersebut dilaksanakan secara **berperingkat** di mana: (i) **pembayaran fasa pertama** yang melibatkan pemandu yang mempunyai **Kad Pemandu aktif setakat 30 September 2026** telah bermula pada 14 Oktober 2026 melalui penyerahan **baucar tunai Bank Simpanan Nasional (BSN)** kepada sejumlah 2619 orang pemandu yang telah dijemput menghadiri **majlis pemberian bantuan kepada penerima awal** di Putrajaya (14 Oktober 2026); Pulau Pinang (17 Oktober 2026); Seremban, Negeri Sembilan (22 Oktober 2026); Melaka (26 Oktober 2026); dan Alor Setar, Kedah (02 November 2026). Mulai 04 November 2026 pula, sejumlah 8054 orang pemandu dibayar melalui **kaedah pindahan terus (EFT) ke akaun bank**

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
		berdasarkan **maklumat akaun yang berdaftar** bagi pembayaran **Sumbangan Tunai Rahmah (STR)**, manakala baki 4389 pemandu yang **tidak mempunyai akaun bank atau bukan penerima STR** akan menerima BKKT melalui pembayaran **tunai (*cash over counter*) di mana-mana cawangan BSN**; dan (ii) **pembayaran fasa kedua** bagi pemandu yang hanya **memperbaharui kad pemandu selepas 30 September 2026 sehingga 25 Oktober 2026** dijangka akan bermula pada 11 November 2026, iaitu selepas selesai proses pengemaskinian dan pengesahan data. Pembayaran akan dibuat melalui **kaedah pindahan terus (EFT) ke akaun bank** bagi penerima STR, **ATAU** pembayaran **tunai (*cash over counter*) di mana-mana cawangan BSN** bagi mereka yang tidak mempunyai akaun bank atau bukan penerima STR.
11.	**Bagaimana saya boleh menyemak sama ada saya layak menerima bantuan khas kewangan tersebut, dan / atau jika pembayaran telah dibuat kepada saya?**	Pemandu boleh membuat semakan status kelayakan masing-masing dan / atau status pembayaran bantuan melalui Portal Bantuan Khas Kewangan (bantuanpemandu.mot.gov.my).
12.	**Sekiranya tiada akaun bank, bolehkah pemandu menerima bantuan ini secara tunai di kaunter?**	Pemandu yang tidak mempunyai akaun bank (termasuklah mereka yang berstatus muflis) boleh mendapatkan pembayaran tunai (*cash over counter*) di mana-mana cawangan BSN selepas mengesahkan status kelayakan dan kaedah pembayaran bantuan melalui Portal Bantuan Khas Kewangan (bantuanpemandu.mot.gov.my).
13.	**Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, siapakah perlu dihubungi?**	Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan bantuan ini boleh dikemukakan kepada APAD melalui talian: **03-2602 5060** atau emel: **aduan_bantuanteksi@apad.gov.my**.